

23/06/2004

Ansara prihatin nasib golongan kurang mampu

KUALA LUMPUR: Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Malaysia (Ansara), sentiasa menghulurkan tangan kepada golongan yang memerlukan.

Walaupun kewujudan persatuan itu asalnya sebagai alumni bekas pelajar MRSM, tetapi kini Ansara banyak menyumbang kepada kegiatan kebajikan.

Hasil penat lelah memberikan sumbangan kepada orang yang memerlukan menjadikan persatuan itu dicalonkan untuk Anugerah Kemanusiaan Muda The New Straits Times Press-PricewaterhouseCoopers Malaysia (NSTP-PwC).

Tahun lalu, persatuan itu menganjurkan program tuisyen yang dikenali sebagai Mutiara Pertiwi bagi membantu pelajar miskin.

Ansara membuka tiga pusat tuisyen di Selangor yang mengumpulkan 350 pelajar miskin dan anak yatim.

Program itu dianjurkan bersama dengan Angkatan Pemuda Warisan Malaysia (Pewaris).

Persatuan itu juga menghulurkan bantuan kepada 100 pesakit muda dari Institut Jantung Negara (IJN), November tahun lalu.

Presiden Ansara, Datuk Mukhriz Mahathir, menganggap program itu sebagai cara menggembirakan kanak-kanak yang mengharap dapat sembuh cepat.

Dalam program itu, dua pesakit muda, Mohd Hafiz Mohd Helmi, dua bulan dan Nur Atiqah Mohd Piah, enam bulan menerima sumbangan RM2,000 daripada persatuan itu.

Anugerah yang julung kali diadakan itu terbuka kepada kumpulan dan individu berusia 40 tahun ke bawah, yang memperjuangkan prinsip kemanusiaan dan melakukan kerja kebajikan antara 1 Januari hingga 31 Disember tahun lalu.

Orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh mencalonkan mereka yang dirasakan layak untuk anugerah itu.

Organisasi media juga boleh membuat pencalonan kepada mana-mana individu atau kumpulan yang mereka pernah buat liputan sebelum ini.

Pemenang anugerah menerima wang tunai RM10,000, trofi dan RM10,000 lagi untuk disumbangkan kepada pertubuhan kebajikan yang dipilih pemenang.

Orang ramai boleh mendapatkan borang pencalonan didapati di laman web [www.nstp.com.my](http://www.nstp.com.my); [www.pwc.com.my](http://www.pwc.com.my) dan juga di [www.tv3.com.my](http://www.tv3.com.my).

(END)